

Online Class 05

Karangan: Jenis Rencana

Bahagian A: Tulis sebuah karangan tentang tajuk di bawah. Panjang karangan hendaklah lebih daripada 180 patah perkataan.



Aktiviti riadah merupakan kegiatan yang wajar diamalkan oleh masyarakat. Tulis satu rencana tentang kepentingan aktiviti riadah ini.

Taipkan karangan pelajar di sini

Tema:

Aktiviti riadah

Tugas Pelajar:

Kepentingan aktiviti riadah

Pendahuluan:

Definisi/Isu terkini/tugas pelajar

Isi 1: Dapat menghindar penyakit

- Huraian/Contoh/Penegasan

Isi 2: Menghilangkan stres dan tekanan perasaan

- Huraian/Contoh/Penegasan

Isi 3: Mengeratkan hubungan silaturrahim

- Huraian/Contoh/Penegasan

Isi 4: Menambah kenalan

- Huraian/Contoh/Penegasan

Penutup: Kesimpulan+nasihat

Berdasarkan kebaikan yang telah dinyatakan – perlu dilakukan semua orang – jadikan amalan mingguan.

Bahagian B: Kata Kerja Aktif (Transitif/Tak Transitif) / Kata Kerja Pasif.*Lengkapkan jadual berikut dengan perkataan-perkataan yang disediakan di bawah.*

gugur	membaca	belajar	bertulis	tinggal	membuatkan
diceritakan	menangis	atasi	mengharamkan	terbasuh	berpindah
membesar	kesejukan	mengasah	diperkecil	berkubukan	dibukukan
mendiami	memperjuangkan	diangkat	menari	kena marah	runtuh
menolak	tersenyum	mencontohi	siapkan	memperbesar	mengatasi

KATA KERJA	PERKATAAN
KATA KERJA AKTIF TRANSITIF	
KATA KERJA AKTIF TAK TRANSITIF	
KATA KERJA PASIF	

Bahagian C: Golongan Kata: Kata Nama Am / Kata Nama Khas*Nyatakan jenis kata nama bagi perkataan yang bergaris, sama ada Kata Nama Am atau Kata Nama Khas.*

	Ayat	Kata Nama Am / Khas
1)	Sejak kecil lagi dia bercita-cita menjadi seorang <u>pelukis</u> terkenal.	
2)	Nur Hana dan <u>Nur Hani</u> sering menjadi perhatian kerana mereka kembar seiras.	
3)	Ibu menggoreng <u>ayam</u> untuk makan tengah hari nanti.	
4)	Emak baru sahaja membeli televisyen yang berjenama <u>Sony</u> itu.	
5)	Suzi dilahirkan di <u>Temburong</u> tetapi dibesarkan di Kuala Belait.	
6)	Salah sebuah pulau yang terdapat di negara ini ialah <u>Pulau Chermin</u> .	
7)	Haji Johan akan mengadakan majlis perkahwinan anaknya di <u>dewan</u> Bridex.	
8)	Dania lebih gemar makan <u>nasi katok</u> ayam berbanding mi goreng ayam.	
9)	Mardiana pergi melancong ke <u>Bali</u> bersama suaminya Oktober ini.	
10)	Pak Omar menjaja kuih dengan menaiki <u>basikal</u> pada waktu petang.	

Bahagian D: Kata Nama Terbitan (kata nama yang mendapat imbuhan)

Nyatakan jenis kata nama bagi perkataan yang bergaris, sama ada Kata Nama Am atau Kata Nama Khas.

- 1) (**ceramah**) yang diundang ke majlis itu ialah tokoh agama yang terkemuka.
- 2) Daniel dipilih sebagai pasukan (**tua**) bahas sekolah kami.
- 3) Buku ini ditulis oleh seorang (**tulis**) yang terkenal.
- 4) Sekolah kami mempunyai seorang (**bantu**) makmal yang cekap.
- 5) (**pimpin**) negara sering melaungkan slogan 'Pemuda/pemudi harapan bangsa'.
- 6) (**pamer**) lukisan itu diadakan oleh seorang pelukis dari China.
- 7) Beberapa orang (**selam**) telah dipanggil untuk mencari nelayan yang lemas itu.
- 8) Mereka menjadi (**lari**) di negara sendiri akibat peperangan saudara.
- 9) Kami menunggu kedatangan mereka di (**henti**) bas sejak pukul tujuh pagi lagi.
- 10) Dia hendak (**beli**) minyak wangi sebagai hadiah hari jadi kawan baiknya.

Bahagian D: PERIBAHASA: Simpulan Bahasa. Tuliskan contoh ayat bagi simpulan bahasa berikut.

Bil	Simpulan Bahasa	Maksud
1	ambil berat	Peduli, ambil endah.
	Contoh ayat:	
2	cepat tangan	Suka mencuri.
	Contoh ayat:	
3	harga mati	Harga yang tidak boleh ditawar lagi.
	Contoh ayat:	
4	orang gaji	Pembantu rumah.
	Contoh ayat:	
5	rambang mata	Sukar untuk memilih.
	Contoh ayat:	